



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref.

Ruj. Kami / Our Ref. : (1)04/C/PD/656/4 Jil. 7

20 Jun 2023

Pk (EL) MPOB 01/2023

Semua Pemegang Lesen:

1. Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF); dan
2. Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

Tuan,

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN AMALAN PERNIAGAAN BUAH KELAPA SAWIT (EDISI KEDUA) SEBAGAI SYARAT LESEN KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF) DAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-124 yang telah diadakan pada 6 Oktober 2022 telah bersetuju menguatkuasakan **Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua)** menggantikan Garis Panduan Edisi 2004 yang dikuatkuasakan sebagai syarat lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan pindaan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatankuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2023 [Pk (EL) MPOB 01/2023]** mulai 1 Julai 2023.

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatankuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2023 (Pk (EL) MPOB 01/2023) bagi mengelakkan tindakan penguatankuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah



s.k

- i) Pengerusi MPOB
- ii) Setiausaha Bahagian Kanan,
Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) MPIC
- iii) Setiausaha Eksekutif Malaysian Oil Palm Association (MPOA)
- iv) Setiausaha Eksekutif The Federation of Palm Oil Millers Association (POMA)
- v) Setiausaha Eksekutif Malaysian Oil Palm Dealers Association (MOPDA)
- vi) Setiausaha Eksekutif Malaysia's National Association of Smallholders (NASH)
- vii) Setiausaha Eksekutif Malaysian Estate Owners Association (MEOA)
- viii) Setiausaha Eksekutif The East Malaysia Planter's Association (EMPA)
- ix) Setiausaha Eksekutif Sarawak Oil Palm Plantation Owners Association (SOPPOA)
- x) Setiausaha Eksekutif Incorporated Society of Planters (ISP)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling	:	Pk (EL) MPOB 01/2023
Tarikh Kuatkuasa	:	1 Julai 2023
Perkara	:	PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN AMALAN PERNIAGAAN BUAH KELAPA SAWIT (EDISI KEDUA) SEBAGAI SYARAT LESEN KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF) DAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Untuk memaklumkan penggunaan Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua) bagi menggantikan Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi 2004) yang berkuatkuasa sebagai salah satu syarat lesen bagi kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit diterbitkan kali pertama pada tahun 2004 untuk kegunaan pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) yang terlibat dengan aktiviti membeli dan menjual buah kelapa sawit (FFB). Selaras dengan perkembangan semasa industri kelapa sawit Malaysia, adalah perlu garis panduan ini disemak semula bagi memastikan ianya memenuhi keperluan semasa meliputi keperluan infrastruktur, pengurusan dan kawalan kualiti dalam menjalankan urusniaga FFB. Semakan semula garis panduan ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti, kecekapan dan produktiviti industri kelapa sawit negara.
- 2.2 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga ke-124 pada 6 Oktober 2022 bersetuju meminda syarat lesen bagi pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) iaitu penguatkuasaan penggunaan Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua).

3.0 PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan pindaan syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesehan) 2005 bagi pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF):

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mposb.gov.my



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Syarat lesen sedia ada:

"Pemegang lesen hendaklah mengguna dan mematuhi Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi 2004)."

Syarat lesen selepas pindaan:

"Pemegang lesen hendaklah mengguna dan mematuhi Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua)."

- 3.2 Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- 3.3 Pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) boleh mendapatkan senaskah buku Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua) di Pejabat Wilayah MPOB yang berdekatan.
- 3.4 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar apa-apa syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2023 [Pk (EL) MPOB 01/2023] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2023**.

6.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN


DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: **21/6/23**

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. www.mpopb.gov.my

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN
AMALAN PERNIAGAAN
BUAH KELAPA SAWIT
EDISI KEDUA**

KANDUNGAN

Pengenalan

- 1.0 Objektif**
- 2.0 Skop**
- 3.0 Tafsiran**
- 4.0 Keperluan Garis Panduan**
- 5.0 Penimbangan Berat**
- 6.0 Kerja-kerja Penggredan Buah Kelapa Sawit**
- 7.0 Penetapan Harga**
- 8.0 Pengumpulan dan Penghantaran Buah Kelapa Sawit**
- 9.0 Penyimpanan dan Penghantaran Maklumat**

Rujukan

Lampiran

PENGENALAN

Industri sawit negara merupakan penyumbang terbesar dalam perkembangan dan pengukuhan ekonomi dalam negara. Perkembangan pesat ini telah meluaskan lagi penglibatan sektor yang berkaitan seperti sektor perladangan, pengilangan, perniagaan, dan perkhidmatan.

Sistem pemasaran buah kelapa sawit di negara ini adalah melalui dua kaedah iaitu saluran pasaran secara terus ke kilang buah kelapa sawit (MF) atau melalui peniaga buah kelapa sawit (DF). Peniaga buah kelapa sawit merupakan saluran pemasaran yang penting kepada kebun kecil (SH) dan juga sebahagian daripada estet-estet kecil. Peniaga buah kelapa sawit juga turut memberi perkhidmatan pengangkutan, kontraktor menuai buah kelapa sawit, pembekal baja dan peralatan keperluan bagi penjagaan kebun kelapa sawit.

Bagi memastikan urusniaga buah kelapa sawit berjalan dengan lancar, tersusun dan sihat, semua pihak yang terlibat hendaklah mengamalkan etika perniagaan yang adil dan telus. Semua pihak bertanggungjawab untuk meningkatkan produktiviti industri sawit negara dan bukan berorientasikan keuntungan semata-mata.

Usaha MPOB menerbitkan Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit merupakan satu komitmen ke arah mewujudkan amalan pemasaran buah kelapa sawit yang lebih tersusun, telus dan adil. Garis panduan ini disediakan dengan usahasama antara MPOB dan wakil-wakil industri sawit yang terlibat dalam urusniaga buah kelapa sawit.

1.0 **OBJEKTIF**

Garis panduan ini disediakan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mewujudkan amalan perniagaan yang jujur, telus, adil dan teratur dalam urusniaga buah kelapa sawit.
- ii. Memastikan semua pihak yang terlibat dalam rantai urusniaga buah kelapa sawit mendapat pulangan yang setimpal.
- iii. Meningkatkan kecekapan dan produktiviti industri sawit negara.

2.0 **SKOP**

Garis panduan ini meliputi keperluan infrastruktur, pengurusan dan kawalan kualiti dalam menjalankan urusniaga buah kelapa sawit bagi meningkatkan produktiviti.

3.0 **TAFSIRAN**

i. **Buah Kelapa Sawit**

Buah Kelapa Sawit sama ada bertandan atau terlerai daripada tandan tersebut yang dihasilkan oleh pokok palma genera *Elaeis*, meliputi spesies *Elaeis Guineensis*, *Elaeis Oleifera* dan kacukan antara kedua-dua spesies ini.

ii. **Peniaga Buah Kelapa Sawit**

Mana-mana orang yang dilesenkan oleh MPOB bagi menjalankan aktiviti menjual dan membeli buah kelapa sawit sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 termasuk kilang buah kelapa sawit.

iii. **Alat Timbang**

Sesuatu alat timbang yang ditentusahkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 (Akta 71). Alat timbang perlu merangkumi peralatan berikut:

- a) Jambatan Timbang
- b) Penunjuk berat (*weight indicator*)
- c) Sensor Jambatan Timbang (*load cell*)
- d) Junction Box
- e) Peralatan elektronik merangkumi CPU, skrin komputer, papan kekunci, tetikus dan mesin pencetak
- f) Peralatan perisian yang digunakan untuk merekod bacaan berat dan menyimpan data berat termasuk maklumat lain seperti maklumat pelanggan, tarikh, masa timbangan dan lain-lain maklumat
- g) Panel meter indikator (*weight display*)

iv. **Premis Perniagaan Buah Kelapa Sawit**

Suatu premis yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk menerima, menimbang, mengumpul, atau mengalih buah kelapa sawit bagi maksud bermula.

v. **Tandan Buah Kelapa Sawit Bermutu**

Tandan buah kelapa sawit bermutu adalah tandan segar yang berkualiti serta mempunyai kandungan minyak yang tinggi dan tidak dikenakan penalti.

vi. **Tandan Tidak Bermutu**

Tandan Tidak Bermutu adalah tandan yang dikenakan penalti dan termasuk tandan yang dikeluarkan daripada konsainan. Antara tandan-tandan yang tidak bermutu adalah Tandan Mengkal, Tandan Muda, Tandan Busuk, Tandan Kosong, Tandan Peram, Tandan Kotor, Tandan Lama, Tandan Dura dan Tandan Tangkai Panjang.

vii. **Pembekal Buah Kelapa Sawit Luar**

Pembekal buah kelapa sawit bukan dari sumber ladang atau kebun milik sendiri.

viii. **Penggred Berkelayakan**

Penggred telah hadir kursus dan lulus peperiksaan Kemahiran Menggred Buah Kelapa Sawit MPOB berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit, Edisi Ketiga (2015).

4.0 KEPERLUAN GARIS PANDUAN

4.1 **Kemudahan dan Premis**

Peniaga dikehendaki menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

4.1.1 **Papan Tanda Perniagaan**

Memastikan papan tanda yang menyatakan nama peniaga buah kelapa sawit, alamat premis dan nombor lesen MPOB disediakan dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai di premis perniagaan buah kelapa sawit yang dilesenkan.

4.1.2 **Alat Timbang**

Alat Timbang yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan berat konsainan yang hendak ditimbang dan permukaan meter timbang yang menunjukkan bacaan berat diletakkan pada posisi yang mudah dilihat oleh penjual buah kelapa sawit atau wakilnya. Bagi memastikan urusniaga yang telus, bacaan berat timbangan pertama dan kedua hendaklah direkodkan secara terus melalui sistem dan bukan secara manual.

4.1.3 **Tempat Pengumpulan Buah Kelapa Sawit (Platform)**

4.1.3.1 Tempat ini hendaklah mempunyai permukaan yang rata dan diperbuat daripada konkrit setebal sekurang-kurangnya 10 sentimeter.

4.1.3.2 Tempat pengumpulan hendaklah tiada longgokan batu, tanah, pasir, kayu dan benda-benda asing yang lain berhampiran tempat berkenaan termasuk pili dan paip air yang boleh digunakan untuk menyiram air kepada buah kelapa sawit bagi menambah berat.

4.1.4 **Kenderaan**

Kenderaan yang digunakan untuk mengangkut buah kelapa sawit hendaklah dalam keadaan baik dan selamat digunakan di jalanraya serta mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan mana-mana perundangan oleh pihak yang berkenaan.

4.2 **Pengurusan Pekerja Dan Tugas**

4.2.1 Penggred berkelayakan yang berdaftar dengan MPOB hendaklah bekerja dengan pemegang lesen di premis yang dilesenkan.

4.2.2 Pemegang lesen dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pekerja untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:

- i. Menggred buah kelapa sawit yang dibeli dan dikumpul di *platform*
- ii. Mengendalikan alat timbang
- iii. Menyelenggara rekod harian urusniaga buah kelapa sawit.
- iv. Menyelenggara akaun termasuk urusan pembayaran dan pengeluaran baucar bayaran belian buah kelapa sawit.

4.3 Pembelian / Penerimaan Buah Kelapa Sawit

4.3.1 Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli buah kelapa daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual buah kelapa sawit.

4.3.2 Pemegang lesen dilarang membeli atau menerima buah kelapa muda.

4.3.3 Peniaga buah kelapa sawit perlulah mendapatkan maklumat dari penjual terlebih dahulu mengenai tarikh tuaian, tempat atau lokasi buah kelapa sawit yang dituai akan dikumpul supaya dapat segera diuruskan pengangkutan bagi mengangkut buah kelapa sawit yang dituai itu ke pusat pengumpulan buah kelapa sawit.

4.3.4 Benda-benda asing seperti pasir, tanah, batu, kayu, bangkai dan haiwan adalah dilarang dimuatkan ke dalam kenderaan untuk mengangkut buah kelapa sawit.

4.3.5 Buah relai hendaklah diantar ke kilang atau peniaga buah kelapa sawit bersama-sama dengan tandan segar. Pembelian atau penerimaan buah relai secara berasingan daripada tandan segar adalah dilarang.

4.3.6 Pengasingan atau pemisahan hendaklah dilakukan ke atas buah kelapa sawit yang dimiliki oleh penjual/pembekal buah kelapa sawit yang berbeza sekiranya dimuatkan ke dalam kenderaan yang sama supaya timbangan berat berasingan boleh dilakukan.

4.3.7 Kualiti buah kelapa sawit hendaklah ditentukan dengan melakukan penggredan oleh penggred berkelayakan berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015).

4.3.8 Memastikan peniaga buah kelapa sawit mempamerkan harga buah kelapa sawit semasa berdasarkan satu peratus (1%) kadar perahan minyak kelapa sawit dengan jelas di premis perniagaan yang dilesenkan. Saiz tulisan hendaklah tidak kurang 10 sentimeter.

4.3.9 Penetapan harga buah kelapa sawit hendaklah mengikut Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015) dan dibayar mengikut 1% kadar perahan minyak sawit mentah.

4.3.10 Potongan berat ke atas konsainan buah kelapa sawit yang diterima adalah dilarang. Ini adalah kerana penalti telah dikenakan berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015).

4.3.11 Baucar bayaran kepada pembekal hendaklah dicatat dengan jelas maklumat butiran pembelian dan bayaran serta satu salinan diserahkan kepada pembekal buah kelapa sawit. Sila lihat contoh dalam **Lampiran 1**.

5.0 PENIMBANGAN BERAT

- 5.1** Timbangan berat buah kelapa sawit hendaklah dalam unit kilogram atau tan dengan menggunakan alat timbangan di kilang buah kelapa sawit atau di premis peniaga buah kelapa sawit.
- 5.2** Penjual buah kelapa sawit atau wakilnya berhak hadir dan menyaksikan timbangan dilakukan.
- 5.3** Tiada seseorang pun boleh berada di atas jambatan timbang semasa timbangan dilakukan.
- 5.4** Cetakan berat kenderaan dengan muatan buah kelapa sawit hendaklah dilakukan pada tiket timbang setelah dipastikan kenderaan berada di atas jambatan timbang dengan betul dan apabila penunjuk berat timbangan dalam keadaan stabil.
- 5.5** Timbangan semula berat kenderaan setelah muatan buah kelapa sawit diturunkan hendaklah dilakukan dengan menggunakan alat timbang yang sama dan cetakan berat dilakukan di atas tiket timbang yang sama (tiket timbang yang menunjukkan berat kenderaan dengan muatan).
- 5.6** Tiket timbang yang digunakan untuk mencetak berat timbangan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat nama dan alamat premis yang dilesenkan, tarikh dan masa timbangan, nombor tiket timbang, nombor pendaftaran kenderaan, barang yang ditimbang, nama penjual buah kelapa sawit, berat kenderaan dengan muatan, berat kenderaan tanpa muatan dan berat bersih muatan. Sila lihat contoh dalam **Lampiran 2**.

6.0 KERJA-KERJA PENGGREDAN BUAH KELAPA SAWIT

- 6.1** Penjual buah kelapa sawit atau wakilnya berhak hadir dan menyaksikan penggredan buah kelapa sawit yang dilakukan oleh peniaga buah kelapa sawit.
- 6.2** Prosedur penggredan buah kelapa sawit hendaklah mengikut Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015) dan menggunakan Borang Penggredan Buah Kelapa Sawit seperti di **Lampiran 3**.
- 6.3** Penggredan buah kelapa sawit hanya boleh dilakukan oleh penggred berkelayakan.
- 6.4** Penentuan harga buah kelapa sawit kepada pembekal hendaklah berasaskan kualiti buah kelapa sawit yang digred dan dibayar mengikut 1% kadar perahan minyak mentah.

7.0 PENETAPAN HARGA

Pengiraan harga buah kelapa sawit untuk konsainan seperti berikut:

Harga konsainan buah kelapa sawit = Harga buah kelapa sawit untuk 1% BOER x GOER x berat buah kelapa sawit (tan)

Di mana:

buah kelapa sawit = buah kelapa sawit (tan)

BOER = Kadar Perahan Minyak Asas yang ditentu berdasarkan berat tandan atau umur pokok.

GOER = Kadar Perahan Minyak Digred yang ditawarkan kepada pembekal berdasarkan Kadar Perahan Minyak Asas setelah ditolak penalti (jika ada). Sila lihat contoh dalam **Lampiran 4**.

8.0 PENGUMPULAN DAN PENGHANTARAN BUAH KELAPA SAWIT

- 8.1** Pemegang lesen dilarang menyiram buah kelapa sawit dengan air sama ada di tempat pengumpulan, di atas kenderaan atau di mana-mana tempat pada bila-bila masa.
- 8.2** Memastikan kenderaan bersih daripada tanah, pasir atau bahan-bahan asing sebelum dan selepas buah kelapa sawit dimuatkan.
- 8.3** Memastikan muatan buah kelapa sawit ditutup dengan jaring, kanvas atau penutup lain yang bersesuaian dan dibenarkan oleh Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) semasa pengalihan buah kelapa sawit dilakukan.

9.0 PENYIMPANAN DAN PENGHANTARAN MAKLUMAT

- 9.0** Menyediakan senarai pembekal buah kelapa sawit yang mengandungi maklumat nama, no. lesen, tarikh tamat lesen dan keluasan kebun.
- 9.1** Memastikan rekod harian urusniaga buah kelapa sawit diselenggarakan dengan baik setiap hari dan dikemaskini dengan maklumat yang benar, lengkap dan tepat.
- 9.2** Penghantaran penyata bulanan hendaklah dilakukan sebagaimana dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.
- 9.3** Memastikan semua dokumen urusniaga buah kelapa sawit disimpan di premis yang dilesenkan tidak kurang dua tahun dari tarikh kemasukan akhir mengikut rekod yang berkenaan.
- 9.4** Memastikan semua rekod atau dokumen urusniaga diselenggara atau dikeluarkan oleh peniaga buah kelapa sawit mengandungi nama penjual atau pembeli buah kelapa sawit dan nombor lesen seperti yang tercatat dalam lesen yang dikeluarkan oleh MPOB.
- 9.5** Setiap tulisan dalam dokumen atau rekod hendaklah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja, boleh dibaca dan mudah difahami.

RUJUKAN

Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582)

Peraturan- Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005

Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)

Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit Edisi 2004

Akta Timbang dan Sukat 1972 (Akta 71)

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

LAMPIRAN 1**Contoh: Baucer Bayaran Pembelian Buah Kelapa Sawit**

Nama Pemegang Lesen
Alamat Premis Perniagaan, No. Telefon
No. Lesen MPOB

Baucer bayaran pembelian buah kelapa sawit
Bagi bulan _____

- Nama Pembekal:
- No. Lesen MPOB:
- Tarikh Tamat Lesen MPOB:

Tarikh Terima	No. Lori	Berat (Tan)	Kadar Perahan MSM* Diberi	Harga BKS** Bagi 1% MSM	Jumlah Harga BKS(RM)

Tolak			

Jumlah Bersih Dibayar	
-----------------------	--

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

Diterima Oleh:

Nama:
Tarikh:

Nama :
Tarikh:

Nama :
Tarikh:

* Minyak Sawit Mentah

** Buah Kelapa Sawit

LAMPIRAN 2**Contoh: Tiket Timbang**

No. Tiket Timbang :
Nama Pemegang Lesen :
Alamat Premis Perniagaan :
No. Telefon :

No. Lesen MPOB:

Nama Pembekal :
No Lesen :
Tarikh Tamat Lesen MPOB :
Tarikh :

No. Lori	Jenis Konsainan	Masa		Berat (kg)
		Masuk	Keluar	
				BDM:
				BTM: Berat Bersih:

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

Nama :
Tarikh:

Nama :
Tarikh :

Nota: BDM - Berat Dengan Muatan
 BTM - Berat Tanpa Muatan

LAMPIRAN 3**BORANG PENGGREDAN**

Tarikh:

Masa:

NAMA PEMBEKAL : _____
NO. LESEN MPOB : _____
NO. KENDERAAN : _____ NO. TIKET TIMBANG : _____
BILANGAN SAMPEL : _____ BERAT BERSIH KONSAINAN : _____ KG

PENETAPAN KADAR PERAHAN ASAS *

i. PURATA BERAT TANDAN: _____ KG BOER: _____ % BKER: _____ %
ii. UMUR POKOK : _____ TAHUN BOER: _____ % BKER: _____ %

PENGGREDAN	BILANGAN TANDAN	PERATUS (%)	PENALTI (0.00%)
Muatan Basah			
Tandan Tidak Segar			
JUMLAH (A)			
(1) Tandan Masak			
(2) Tandan Mengkal			
(3) Tandan Busuk			
(4) Tandan Kosong			
JUMLAH (B)			
(1) Tandan Kotor			
(2) Tandan Lama			
(3) Tandan Dura			
(4) Tandan Tangkai Panjang			
JUMLAH (C)			
JUMLAH BESAR (A + B + C)			
Kadar Perahan Minyak Digred (GOER) :			

* Pilih salah satu

CATATAN : _____

_____TANDATANGAN : _____
NAMA PENGGREDAN : _____

FORMULA PENGIRAAN HARGA BUAH KELAPA SAWIT

Langkah 1: Pengiraan harga buah kelapa sawit pada kadar 1% BOER seperti berikut:

$$\text{Harga FFB} = \frac{[(CPOp - C - TC - AC) (BOER) + (PKp - AC) (BKER) - (PC)]}{BOER}$$

Langkah 2: Pengiraan harga buah kelapa sawit untuk konsainan seperti berikut:

$$\text{Harga konsainan FFB} = \text{Harga FFB untuk 1% BOER} \times \text{GOER} \times \text{berat FFB (tan)}$$

Di mana:

- FFB = Buah kelapa sawit (tan)
CPOp = Harga minyak sawit mentah mengikut wilayah (hantaran)
PKp = Harga isirung sawit (pintu kilang)
C = Ses MPOB
TC = Caj pengangkutan satu tan minyak sawit mentah kepada pembeli
AC = Caj tambahan lain seperti cukai jualan (jika berkenaan)
BOER = Kadar Perahan Minyak Asas yang ditentu berdasarkan berat tandan atau umur pokok.
BKER = Kadar Perolehan Isirung Asas yang ditentu berdasarkan berat tandan atau umur pokok.
PC = Caj pemprosesan untuk satu tan FFB yang dikenakan oleh kilang
GOER = Kadar Perahan Minyak Digred yang ditawarkan kepada pembekal berdasarkan Kadar Perahan Minyak Asas setelah ditolak penalti (jika ada).